



AHMAD ZAHID HAMIDI dan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (kanan) mendengar penerangan tentang Rancangan Tebatan Banjir Teluk Intan daripada Abdul Razak Dahalan (kiri) selepas majlis pecah tanah projek berkenaan di Teluk Intan, semalam.

Rancangan Tebatan Banjir Teluk Intan RM75 juta dilancar

TELUK INTAN 10 April - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi hari ini merasmikan Rancangan Tebatan Banjir Teluk Intan bernilai RM75 juta yang dijangka siap pada penghujung 2018.

Projek sambungan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) yang merangkumi kawasan penempatan seluas 16.25 kilometer persegi itu bakal memanfaatkan kira-kira 247,000 penduduk.

Projek mitigasi bagi mengatasi masalah hakisan ekor an pemanasan global itu juga dapat mengelak bandar Teluk Intan yang terletak dalam lembangan Sungai Perak, daripada ditenggelami air, sekali gus membentuk sebuah pulau.

Ahmad Zahid berkata, projek itu tidak harus dilihat sebagai projek tebatan banjir semata-mata, malah boleh mengelak timbunan sampah-sarap daripada berkumpul di muara sungai tersebut.

“Ada yang melihat projek ini dari aspek perniagaan, namun kita harus lihat dari segi kehidupan manusia untuk jangka masa panjang.

“Kawasan banjir di Teluk Intan juga merangkumi Changkat Jong dan Kampung Permatang Pelanduk setiap kali musim hujan. Oleh itu, kita berharap projek ini dapat disiapkan dalam tempoh terdekat mengikut kemampuan kewangan kerajaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap merasmikan majlis pecah tanah projek berkenaan di Dewan Terbuka Kampung Terengganu di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar; Timbalannya, Datuk Ir. Hamim Samuri, Ahli Parlimen Teluk Intan, Datuk Seri Mah Siew Keong dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak, Datuk Ir. Abdul Razak Dahalan.

Paras tanah di bandar Teluk Intan terletak pada ketinggian antara 1.6 hingga 2.5 meter dan sebahagian besarnya lebih rendah ketika air pasang iaitu 2.75 meter.

Sehubungan itu, projek tebatan itu dapat mengurangkan masalah banjir akibat pertembungan air pasang dari muara Sungai Perak dan limpahan air sungai dari hulu.

Dalam pada itu, Wan Junaidi berkata, kerajaan menganggarkan sebanyak RM39 bilion diperlukan bagi melaksanakan projek-projek tebatan banjir di seluruh negara.

Menurut beliau, bagi keseluruhan projek tebatan banjir Sungai Perak, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM340 juta termasuk pembangunan Projek Lembangan Bersepadu Sungai Perak bernilai RM250 juta.

“Projek itu termasuk peruntukan RM8.5 juta untuk pembangunan di Bagan Datoh serta beberapa projek kecil yang lain,” katanya.